



Bantuan Keluarga Malaysia terus ditambah baik bagi membantu meringankan beban perbelanjaan rakyat.

(Foto hiasan)

BKM kategori baharu ringankan beban keluarga anak ramai

Bajet sediakan RM7.8 bilion manfaat 8.7 juta penerima

Kuala Lumpur: Sebanyak RM2,500 melalui Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) akan diberikan kepada isi rumah berpendapatan kurang RM2,500 dan mempunyai lima anak atau lebih.

Bantuan berkenaan adalah kategori baharu bagi membantu meringankan beban keluarga yang mempunyai ramai anak.

Bagi keluarga mempunyai satu hingga empat anak pula, BKM bernilai RM1,000 hingga RM2,000 akan diberikan, manakala untuk isi rumah berpendapatan RM2,500 hingga RM5,000, antara RM500 hingga RM1,250 akan diberikan bergantung bilangan anak.

Mengumumkan demikian ketika membentangkan Bajet 2023 semalam, Menteri Kewangan,

BAJET
2023

Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata BKM diperuntukkan dalam belanjawan tahun depan akan memberi manfaat kepada 8.7 juta penerima dengan peruntukan RM7.8 bilion.

BKM 2023 ditambah baik

BKM 2023 ialah bantuan komprehensif yang ditambah baik dengan ketara berbanding Bantuan Sara Hidup (BSH) pada 2020 yang memanfaatkan lima juta penerima dengan peruntukan RM5 bilion.

"Bagi warga emas tiada pasangan dan golongan bujang, masing-masing akan turut menerima BKM sebanyak RM600 dan RM350, bergantung kepada had pendapatan," katanya.

Bantuan sebanyak RM3,000 bayaran maksimum juga akan diberikan kepada ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan anak, iaitu kenaikan sebanyak RM500 berbanding

RM2,500 pada 2022.

"Ini bermakna ibu atau bapa tunggal layak menerima bantuan maksimum sehingga RM3,000. Kadar BKM maksimum ini meningkat berbanding RM2,500 tahun ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Tengku Zafrul mengumumkan, kerajaan akan meneruskan skim MySalam kepada penerima BKM sepanjang 2023, dengan membuka kepada syarikat insurans dan takaful untuk bersama-sama memastikan kesinambungan skim bantuan itu.

"Sejak 2019, MySalam telah meluluskan tuntutan berkaitan penyakit kritikal dan hospitaliti berjumlah RM734 juta kepada 1.5 juta individu B40. Ini termasuk 500,000 individu yang menerima pampasan disebabkan COVID-19 dengan nilai keseluruhan RM330 juta," katanya.

Selain itu, Baucar Perlindungan Tenang yang memanfaatkan lebih tiga juta penerima BKM, akan turut diteruskan melalui kaedah perkongsian kos serta diperluaskan kepada pembelian produk perlindungan bencana banjir untuk rumah kediaman.